

UMS hidupkan Budaya Memucang-mucang



SURAU ... Surau Ag. Taha, Kampung Binsulok tempat penduduk kampung mengerjakan ibadah.



AKAN DIBAIK PULIH ... Salah satu infrastruktur yang perlu dibaik pulih.

BUDAYA memucang-mucang atau bergotong royong secara sukarela adalah amalan yang sinonim dengan masyarakat Brunei di Sabah sejak dahulu lagi.

Kesediaan untuk membantu serta sifat penyayang dan prihatin terhadap golongan memerlukan menjadi identiti masyarakat Brunei yang ditanam dalam diri dan minda generasi dari zaman ke zaman.

Amalan ini bukan sahaja dilakukan dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong membersihkan balai raya, surau dan sebagainya, malah masyarakat Brunei turut memucang-mucang apabila adanya sesuatu majlis perkahwinan atau majlis keramaian. Namun, budaya ini semakin pudar tatkala generasi baru lebih gemar mengikuti budaya-budaya barat yang lebih popular dalam kalangan masyarakat setempat.

Melihat kepada senario tersebut, UMS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi harus memainkan peranan 'mendidik' dalam mengembalikan semula tradisi tersebut. Hal ini perlu bagi memastikan elemen keprihatinan dan bersatu padu



NO'MAN ... Ketua Jabatan Canselori UMS.

dapat disemai dalam masyarakat, seterusnya menjadi contoh kepada komuniti lain.

Usaha tersebut digerakkan melalui penganjuran program amal Jabatan Canselori UMS dengan kerjasama Persatuan Masyarakat Brunei Sabah (PMBS) di Kampung Binsulok, Membakut.

Program ini bakal menyaksikan seramai 141 kakitangan

UMS berganding bahu dengan kumpulan belia (PMBS) dan penduduk Kampung Binsulok memucang-mucang membantu memperbaiki infrastruktur di Surau Ag. Taha, Pondok Kafa, dan Perpustakaan Desa, selain mengadakan ceramah akademik dan sesi riadah bersama pelajar-pelajar sekolah Kampung Binsulok hari ini (Sabtu).

Kampung Binsulok yang merupakan antara penempatan awal masyarakat Brunei di daerah Membakut menjadi pilihan destinasi khidmat sosial warga UMS kerana sejarah daerah Membakut itu sendiri yang mempunyai unsur perpaduan dan toleransi masyarakat berbilang kaum. Menurut cerita penduduk setempat, pekan Membakut turut digelar 'Bua' yang merujuk kepada tamu buah-buahan.

Kisahannya pada zaman dahulu sewaktu sistem pertukaran barang atau sistem barter masih digunakan, masyarakat Brunei dari Binsulok dan Pimping sering membawa produk-produk laut seperti belacan dan ikan salai untuk ditukar dengan buah-buahan yang dibawa oleh masyarakat Dusun atau Kadazan dari bahagian ulu

Membakut. Maka lama-kelamaan masyarakat Brunei memanggil kawasan pertemuan pertukaran buah-buahan dengan masyarakat Dusun sebagai 'Bua', yang masih digunakan sehingga kini.

Aktiviti bertukar-tukar barang di 'Bua' ini jelas menunjukkan bahawa semangat perpaduan dan sikap toleransi dua suku kaum yang berbeza di kawasan Membakut telah subur sejak zaman dahulu lagi. Sehingga kini, masyarakat Brunei dan Dusun di Membakut hidup harmoni meskipun mengamalkan budaya dan kepercayaan yang berbeza. Semangat inilah menjadi elemen yang harus diketengahkan, sekali gus menjadi faktor pemilihan Kampung Binsulok sebagai kawasan aktiviti amal warga UMS.

Penglibatan UMS dalam program kemasyarakatan adalah sejajar dengan hasrat Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah dalam menjadikan ulang tahun ke-20 penubuhan UMS dimeriahkan dengan program-program yang memberi impak kepada komuniti seluruh pelusuk Sabah.

Bagi beliau, berdirinya UMS selama dua dekad ini adalah hasil daripada sokongan masyarakat Sabah, terutamanya golongan muda dalam menyempurnakan cita-cita untuk mencapai pendidikan tertinggi. Justeru itu, universiti haruslah kembali semula kepada masyarakat sebagai tanda penghargaan terhadap penerimaan impak kewujudan UMS selama ini.

"Khidmat bakti siswa-siswi ke kawasan pedalaman Sabah selama ini mendapat kerjasama hebat daripada penduduk tempatan. Ini menunjukkan bahawa UMS adalah institusi gedung ilmu yang paling hampir dengan masyarakat Negeri Sabah. Untuk itu, universiti akan sentiasa menyokong dan mempergiatkan program berbentuk khidmat sosial agar jalinan UMS dengan masyarakat yang terbentuk selama ini akan terus diperkukuh," katanya.


Bagi Ketua Jabatan Canselori, No'man Datuk Hj. Ahmad, aktiviti amal di Kg. Binsulok ini bukan sahaja bertujuan untuk menyemai semangat kekitaan dalam kalangan warga UMS, malah turut memberi peluang kepada warga peserta aktiviti untuk menghayati nilai positif yang ingin disemai melalui amalan memucang-mucang, selain menyebar luas kepentingan memperkasa ilmu

dalam kalangan masyarakat.

"Antara kemudahan yang dibaik pulih adalah surau, perpustakaan desa dan pondok agama. Kemudahan-kemudahan ini penting bagi penduduk kampung dalam mendalami ilmu agama dan ilmu makrifat. Ini membuktikan bahawa UMS menjunjung ilmu ke tahap tinggi dan sentiasa komited dalam memupuk budaya masyarakat berilmu," jelas beliau.

Kegiatan amal di Kampung Binsulok ini bukan sahaja

memberi peluang kepada UMS dalam meningkatkan ukhuwah yang terjalin antara institusi pengajian tinggi dengan masyarakat, malah turut bertindak sebagai medium dalam menyemarakkan tuntutan ilmu yang ingin disemai dalam kalangan masyarakat. Dan semestinya, kegiatan ini menjadi titik permulaan dalam menghidupkan kembali budaya memucang-mucang masyarakat Brunei yang semakin terhakis.



TIMBA ILMU AGAMA ... Ilmu agama harus dipelajari sejak kecil lagi.



PELAJAR RENDAH ... Murid-murid ke sekolah menuntut ilmu.